



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

TEKS UCAPAN

**YB SENATOR PUAN SARASWATHY KANDASAMI
TIMBALAN MENTERI PERPADUAN NEGARA**

**SEMPENA
SAMBUTAN HARI TOLERANSI SEDUNIA
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA TAHUN 2024
“HARMONI DALAM KEPELBAGAIAN”**

**16 NOVEMBER 2024 (SABTU)
7.30 PAGI – 12.00 TENGAH HARI
MEMORIAL PENGISYTIHARAN KEMERDEKAAN,
MELAKA**

Selamat Pagi, Salam Sejahtera, Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI.

Terima kasih saudara Pengacara Majlis.

SALUTASI

**Salutasi terkini disediakan secara berasingan*

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu saya ingin menzahirkan rasa syukur kepada Tuhan kerana kita semua diberi peluang untuk berkumpul bersama-sama pada pagi ini bersempena **Sambutan Hari Toleransi Sedunia**.
2. Sebelum saya meneruskan ucapan ini, suka saya **mengalukan kehadiran** YBhg. Datuk-datuk, Datuk Sri, Ketua-ketua Jabatan, wakil-wakil agensi kerajaan di peringkat negeri Melaka mahupun persekutuan, persatuan dan pertubuhan dari pelbagai peringkat termasuk institut keagamaan, rakan-rakan strategik, tuan-tuan, puan-puan serta hadirin sekalian.

3. Kehadiran semua pada hari ini melengkapkan kesepaduan rantaian masyarakat bermula di peringkat kepimpinan sehinggalah ke peringkat generasi muda pewaris watan.

SAMBUTAN HARI TOLERANSI SEDUNIA

Hadirin yang saya hormati,

4. Pada tahun 1995, **UNESCO telah mendeklarasikan 16 haribulan November sebagai Hari Toleransi Sedunia.** Deklarasi tersebut menegaskan bahawa toleransi adalah penghormatan dan penghargaan terhadap keragaman budaya dunia, ekspresi dan cara bermasyarakat.
5. Tidak dinafikan Malaysia merupakan sebuah negara yang memiliki kepelbagaian kaum, adat dan budaya, serta kepercayaan beragama. **Kemajmukan dan Kepelbagaian ini merupakan warisan sejarah** pembentukan masyarakat Malaysia yang seharusnya dirai dan dipelihara bersama demi perpaduan dan keharmonian.
6. Sesuatu yang unik berlaku disebalik pembentukan negara bangsa Malaysia iaitu **pengekalan identiti kepelbagaian di bawah nama bangsa Malaysia yang hidup secara harmoni dan saling menghormati.**

7. Keunikan ini didukung oleh **Perlembagaan Persekutuan Malaysia** yang meletakkan Islam sebagai agama persekutuan tetapi pada masa yang sama memberi kebebasan kepada penganut agama lain mengamalkan agama masing-masing dengan aman dan damai dalam persekutuan.
8. Suka saya kongsi bahawa **objektif** utama pelaksanaan **Sambutan Hari Toleransi Sedunia** adalah:
- (i) **Meningkatkan kefahaman** mengenai kepelbagaian agama, budaya dan adat resam ke arah memperkukuhkan keharmonian dan perpaduan.
 - (ii) Membudayakan amalan **menyebarkan mesej keharmonian** dan muhibah berasaskan konsep faham, hormat dan terima dalam kalangan Masyarakat pelbagai kaum; dan
 - (iii) Mengukuhkan perpaduan dan integrasi nasional berteraskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara
9. Ekspresi yang kita zahirkan dalam **Sambutan Hari Toleransi disesuaikan dalam konteks kemajmukan masyarakat negara** kita. Gambaran toleransi masyarakat

Malaysia diolah sesuai cara hidup yang menjamin keharmonian dan perpaduan masyarakatnya.

10. Walaupun wujudnya perbezaan daripada kepelbagaian yang menjadi cabaran dalam mengukuhkan perpaduan namun, jika ianya diuruskan dengan baik iaitu adanya sifat toleransi dan persefahaman masyarakat, **kepelbagaian ini menjadi kekuatan negara** dalam membentuk masyarakat Malaysia yang harmoni dan bersatu padu.
11. Saya berharap keterlibatan semua pihak pada pagi ini merupakan solidariti masyarakat Malaysia terhadap kesungguhan dan kebersamaan menyemai semangat toleransi demi perpaduan sejagat.

AGENDA MENINGKATKAN KEHARMONIAN ANTARA PENGANUT AGAMA

Hadirin yang saya muliakan,

12. Meningkatkan keharmonian masyarakat merupakan salah satu agenda penting yang telah ditetapkan dalam hala tuju Kementerian Perpaduan Negara selaras dengan agenda nasional membangun Malaysia MADANI.

13. Nadi pelaksanaan mencapai agenda ini adalah **inisiatif Harmoni MADANI**. Saya yakin dan percaya hadirin sekalian telah mengenali akan selogan Harmoni Madani yang mengetengahkan konsep asas integrasi nasional iaitu Faham, Hormat dan Terima. Malah harmoni MADANI telah sinonim dengan Kementerian Perpaduan Negara kerana pelaksanaan Inisiatif Harmoni MADANI telah pun bermula seawal Februari 2024 lagi.

14. Sebahagian daripada inisiatif telah pun dilaksanakan antaranya:

- I. **Program Jejak HARMONI** – dilaksanakan di 9 lokasi iaitu W.Persekutuan Labuan, Selangor, Pahang, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Kuala Lumpur, Johor, Sarawak dan Sabah
- II. ***Interfaith Dialouge*** – dilaksanakan di Negeri Pulau Pinang, Selangor, Melaka dan Sabah yang juga melibatkan kerjasama Jawatankuasa HARMONI dan Pertubuhan Agama.
- III. **Podcast:Bicara HARMONI** – yang mengetengahkan konsep perkongsian nilai-nilai murni masyarakat malaysia.

IV. **Wacana Harmoni Madani: Harmoni Dalam Kepelbagaian** - yang dilaksanakan di Sabah pada September 2024 mengetengahkan perkongsian ilmu dalam kalangan masyarakat pelbagai latar belakang kaum, budaya dan juga kepercayaan.

15. Selain itu, beberapa program antarabangsa telah dilaksanakan seperti **Sambutan Minggu Keharmonian Antara Agama Sedunia** (*World Interfaith Harmoni Week*) dan program dibawah penyelarasan JAKIM iaitu **Persidangan Pemimpin Agama Antarabangsa**.

16. Hari ini, lengkaplah keseluruhan pelaksanaan **program-program utama dibawah Inisiatif Harmoni Madani** dengan pelaksanaan **Sambutan Hari Toleransi Sedunia**. Sambutan ini merupakan penutup tirai program utama Inisiatif Harmoni Madani 2024.

17. Lembaran baharu tahun 2025 bagi Inisiatif Harmoni Madani akan terus disemarakkan dengan pelbagai pendekatan berteraskan masyarakat.

PENUTUP

Hadirin yang dihormati

18. Saya berharap hadirin yang hadir pada hari ni akan menyebarkan semangat cintakan negara dan membawa bersama masyarakat di luar sana untuk kita sama-sama memahami keunikan dan kepelbagaian masyarakat kita, seterusnya menghormati perbezaan dan kepelbagaian yang wujud ini sekaligus menerima dan berusaha untuk sama-sama mengekalkan keharmonian hidup bersama.
19. Saya menyeru kepada semua pihak khususnya badan-badan pertubuhan agama dan persatuan-persatuan rakan perpaduan agar turut mengambil bahagian dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti berunsurkan penyebaran mesej keharmonian dan nilai-nilai murni.
20. Kerajaan sentiasa menyambut baik usaha-usaha dan peranan yang dimainkan oleh tuan/puan sebagai rakan strategik bagi membantu **membina tapak integrasi yang lebih kukuh** melalui program-program yang telah dilaksanakan.

21. Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya ingin menzahirkan **penghargaan dan ucapan tahniah** kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan pelaksanaan Sambutan Hari Toleransi Sedunia pada tahun ini. Kerjasama strategik dan sokongan semua pihak adalah tunjang kejayaan membentuk masyarakat yang harmoni.
22. Oleh itu, adalah penting untuk kita semua menerapkan dan **menyebarkan prinsip asas integrasi nasional iaitu konsep faham, hormat dan terima** dalam masyarakat bagi memastikan keharmonian dan perpaduan ini kekal selamanya menjadi milik kita semua.
23. Dengan ini, saya dengan sukacitanya **melancarkan Sambutan Hari Toleransi Sedunia Peringkat Kementerian Perpaduan Negara Tahun 2024.**

Sekian, terima kasih.